

UOBAM (Malaysia) is optimistic of global economic rebound as central banks are expected to maintain low interest rates this year



Headline : Sektor Kewangan, hartaanah, pengguna dijangka pantas pulih
Media : www.bharian.com.my
Date : 30 March 2021
Page : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/03/801801/sektor-kewangan-hartanah-pengguna-dijangka-pantas-pulih>

Sektor Kewangan, hartaanah, pengguna dijangka pantas pulih

Mahanum Abdul Aziz - Mac 30, 2021 @ 4:18pm
mahanum_aziz@bh.com.my



(Gambar ilasan) - Foto: NSTP/NSTP/MOHAMAD SHAHRI BADRI SAALI

KUALA LUMPUR: UOB Asset Management (Malaysia) (UOBAM Malaysia) menjangkakan sektor seperti perkhidmatan kewangan, hartaanah dan pengguna akan mencatatkan pemulihan pantas sejajar dengan pemulihan ekonomi domestik dan global.

Ketua Pegawai Pelaburannya, Francis Eng, berkata pihaknya positif dengan pemulihan ekonomi negara ini sejajar dengan pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 serta manfaat daripada peningkatan harga komoditi seperti minyak sawit dan minyak mentah Brent.

Beliau berkata, dari segi pelaburan membabitkan ekuiti dan pendapatan tetap, pihaknya lebih gemar pasaran ekuiti buat masa ini kerana lazimnya ia lebih baik di tengah-tengah pemulihan bermula.

"Berdasarkan trend jangka panjang, pasaran ekuiti mampu untuk menyerap peningkatan kadar faedah selagi ia menyederhana," katanya pada taklimat media secara maya mengenai pelaburan dalam penyelesaian pelbagai aset global.

UOBAM (Malaysia) is optimistic of global economic rebound as central banks are expected to maintain low interest rates this year

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif UOBAM (Malaysia), Lim Suet Ling, berkata UOBAM optimis ekonomi global akan pulih daripada kemerosotan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, memandangkan bank pusat dijangka mengekalkan kadar faedah yang rendah tahun ini.

Justeru, beliau berkata, bagi membantu pelabur runcit memanfaatkan pemulihan ekonomi, pihaknya telah melancarkan United UWealth Pop Fund (UUWPF), penyelesaian pelbagai aset yang melabur dalam portfolio kepelbagaian termasuk dana ekuiti dan pendapatan tetap dan juga dana dagangan bursa (ETF).

Beliau berkata, dengan melabur dalam portfolio yang pelbagai yang terdiri daripada pelbagai aset, pelabur runcit dapat meraih keuntungan daripada hasil aset pendapatan tetap dan juga potensi daripada pulangan modal atas ekuiti.

"Sesuai untuk pelabur runcit yang mempunyai profil risiko sederhana, UUWPF bertujuan menyediakan dividen pendapatan tahunan dan peningkatan modal sederhana dalam tempoh pelaburan yang sederhana hingga panjang," katanya.

Lim berkata, UUWPF menggunakan strategi dana daripada dana (FoF) yang melabur sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai aset bersih (NAB) ke dalam dana ekuiti dan pendapatan tetap serta ETF, dan bukannya melabur secara langsung dalam sekuriti seperti saham dan bon, sementara bakinya dilaburkan dalam aset cair seperti instrumen pasaran wang dan deposit.

Beliau berkata, menerusi algoritma penasihat robo UOBAM yang mengintegrasikan andaian pasaran modal milik syarikat, pengurus portfolio mengoptimumkan pelaburan UUWPF dengan peruntukan yang cekap di semua sektor dan rantau, seperti Amerika Syarikat, Eropah serta Asia termasuk Jepun dan Malaysia.

Katanya, pelaburan dalam portfolio yang dipilih adalah cair, dipelbagaikan dengan baik dan mempunyai fi rendah bagi memaksimumkan pulangan untuk pelabur runcit.

"Menggabungkan teknologi penasihat robo kami dengan pengimbangan semula secara berkala oleh pengurus portfolio kami bermakna kami dapat memastikan pengurusan UUWPF yang cekap, sejajar dengan pergerakan pasaran.

"Dengan cara ini, portfolio pelaburan akan menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan juga potensi peningkatan modal sambil kekal berdaya tahan walaupun dalam keadaan turun naik pasaran," katanya.

UUWPF diedarkan secara eksklusif oleh UOB Kay Hian dan disediakan dalam ringgit dengan pelaburan awal sekurang-kurangnya RM1,000.